



KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

## KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

### KPLB PERKENAL PROGRAM TVET JUNIOR DI GIATMARA UNTUK TARIK MINAT PELAJAR BIDANG

KPLB.100-2/1/6 JLD.2 (44)

PADANG TERAP, 21 Mac -- Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) menerusi GiatMARA memperkenalkan program Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) Junior, secara berperingkat mulai tahun ini.

Menurut Menteri, Datuk Seri Mahdzir Khalid, 5 ribu pelajar berusia 12 hingga 16 tahun disasar mengikuti kursus asas jangka pendek yang ditawarkan di 231 GiatMARA seluruh negara.

"Menerusi program TVET Junior, pelajar menjalani latihan atau kursus asas jangka pendek selama dua atau tiga hari pada hujung minggu atau cuti sekolah.

"Antara kursus yang ditawarkan adalah asas kemahiran seperti pendawaian elektrik, membaiki basikal, latihan masakan seperti membuat kek dan jahitan."

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Program Tinjauan Mesra dan Penyampaian Sijil TVET Junior@Padang Terap di GiatMARA Padang Terap, di sini, hari ini.

Setakat ini jelas Mahdzir, seramai 55 pelajar sudah menerima kursus latihan asas TVET di GiatMARA Padang Terap selama lima hari selepas ia dilancarkan pada 13 Mac lalu.

"Tujuannya adalah untuk beri pendedahan awal kepada mereka mengenai TVET, selain mereka boleh buat sendiri di rumah jika berlaku kerosakan mudah.

Kita juga sediakan makan minum serta sijil dan selepas tamat kursus, pelajar boleh pilih sama ada mahu teruskan belajar kemahiran ke peringkat tertinggi atau belajar dalam akademik."

Mengulas lanjut, Mahdzir berkata, pihaknya berharap program itu dapat menarik minat lebih ramai pelajar untuk mengikuti program TVET sehingga peringkat tertinggi bagi memenuhi permintaan industri.

GiatMARA juga jelasnya, turut bekerjasama dengan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Ketua Kampung bagi memudahkan pelajar yang berminat menyertai program berkenaan.

Program itu dilaksanakan secara berperingkat, mengikut kemampuan kerana ia membabitkan modal untuk membeli bahan latihan kepada pelajar terbabit.

Sementara itu, Mahdzir berkata, KPLB sedia memainkan peranan dalam memacu kolaborasi antara institusi TVET, kerajaan dan industri.

"Kita faham kehendak Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, ketika melancarkan Badan Koordinasi TVET-Kerajaan-Industri (GITC), baru-baru ini.

"Jadi, kita akan pastikan pelajar mampu penuhi kehendak industri seperti dalam bidang minyak dan gas, automotif dan perkapalan," katanya.

**-TAMAT-**

**#KeluargaMalaysia**

**#BekerjaBersamaRakyat**

**DATUK SERI MAHDZIR KHALID**

**MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**21 MAC 2022**

**Unit Komunikasi Korporat.** | Kementerian Pembangunan Luar Bandar  
Tel: 03-8891 5945 Faks: 8888 2367 Email: [ukk@rurallink.gov.my](mailto:ukk@rurallink.gov.my)



[www.rurallink.gov.my](http://www.rurallink.gov.my)



Kementerian Pembangunan Luar Bandar



[kplb\\_gov](https://twitter.com/kplb_gov)



[kplb\\_gov](https://www.instagram.com/kplb_gov)



[KPLB\\_GOV Official](https://www.youtube.com/KPLB_GOV)